

TASKA perlu tenaga pengajar bertauliah

Lindungi kanak-kanak daripada kemalangan

Oleh Azrina Ahzan
edisimingguan@bharian.com.my

CYBERJAYA: Datin Seri Rosmah Mansor mahu TASKA yang dibuka untuk mengasuh dan mendidik kanak-kanak, dilengkapi tenaga pengajar bertauliah bagi mengelak kemalangan membabitkan si kecil.

Sambil meminta semua pihak terutama ibu bapa dan pengasuh melindungi kanak-kanak daripada ditimpa gejala buruk, isteri Perdana Menteri berkata, beliau amat sedih dan dukacita mengenai

kes kanak-kanak di TASKA atau di rumah pengasuh yang tercekik susu atau tidak dilayan dengan baik.

"Saya amat dukacita apabila membaca laporan kemalangan menimpa anak kecil disebabkan kecuiaan ibu bapa di rumah atau pengasuh di TASKA. Kegagalan melatih pengasuh dengan baik menyebabkan mereka tidak tahu bagaimana hendak menyelamatkan anak yang ditimpa kemalangan kecil.

"Sebab itulah saya selalu menekankan bahawa setiap pejabat atau tempat kerja perlu menyediakan tempat

untuk anak tinggal dengan selamat ketika ibu bapa mencari rezeki demi kesejahteraan keluarga," katanya yang juga Penaung PERMATA ketika berucap merasmikan Hari Keluarga PERMATA Negara di Sekolah Seri Puteri, di sini, semalam.

Hari keluarga bertemakan "PERMATA Grand Prix" itu julung kali diadakan dan program selama tiga hari itu dihadiri lebih 700 kanak-kanak yang mengikuti program PERMATA Negara di hampir 600 pusat pusat asuhan, termasuk Sabah dan Sarawak.

Pada majlis berasingan,



ROSMAH bersama ahli Pandu Puteri dari lima negara pada majlis jamuan tengah hari di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana di Putrajaya, semalam.

Rosmah meraikan 600 ahli Pandu Puteri dari lima negara iaitu Sri Lanka, Maldives, Sudan, Brunei dan Malaysia pada majlis jamuan tengah hari di kediaman rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana di Putrajaya sempena Cabaran Centenary Pandu Puteri Tunas Malaysia 2010.

Beliau yang juga Yang Di-pertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia (PPPM) berharap, semua ahli Pandu Puteri Tunas tidak mensia-siakan sifat kepemimpinan yang dipelajari ketika dalam persatuan beruniform itu.

"Selain menjadi duta kecil negara pada usia muda, ahli

Pandu Puteri Tunas berpeluang mengasah bakat kepemimpinan untuk menjadi wanita berkaliber pada masa depan. Pada masa sama, ahli Pandu Puteri Tunas juga berpeluang menimba pengalaman dari ahli negara lain bagi meningkatkan lagi pengetahuan," katanya.